



Warga asing yang ditahan ketika operasi DBKL di Jalan Silang, di ibu negara semalam.



Lelaki yang mendakwa dirinya wartawan dari Bangladesh menunjukkan akhbar yang diedarnya.



Peniaga warga asing ini sanggup memanjat bumbung premis di Pasar Pudu untuk melarikan diri daripada penguat kuasa DBKL dalam operasi, semalam.

Pura-pura jadi pelanggan

Taktik warga asing elak ditahan penguat kuasa

KUALA LUMPUR - Suasana tenang di Pasar Pudu, di sini bertukar kecoh apabila berlaku aksi pengejaran antara penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan penjaja warga asing yang melarikan diri dalam Ops Bersepadu Banteras Penjaja Warga Asing di sekitar ibu kota, semalam.

Situasi kelam-kabut itu turut menyaksikan salah seorang warga asing dipercayai warga Bangladesh, sanggup memanjat bumbung premis bagi mengelak daripada ditahan.

Tidak kurang juga yang berpura-pura menjadi pelanggan sedangkan mereka merupakan golongan sasaran, namun akhirnya berjaya ditahan penguat kuasa.

Ketua Operasi DBKL, Minhad Mohd berkata, operasi bersepadu pertama bagi 2013 itu menyasarkan tiga lokasi panas iaitu Pasar Pudu, Jalan Silang, Jalan Tun Tan Cheng Lock, dan Jalan Masjid India,

Menurutnya, seramai 385 war-

ga asing terdiri daripada warga Bangladesh, Myanmar, Indonesia, Nepal, India dan Pakistan, berumur lingkungan 25 hingga 40 tahun ditahan menerusi keseluruhan operasi yang dijalankan.

"Kesemua mereka yang ditahan melibatkan kes menjaja tanpa kebenaran, serta tangkapan rawak.

"Hasil saringan oleh Imigresen, seramai 51 daripada mereka disahkan tidak mempunyai sebarang dokumen," katanya pada sidang media selepas operasi itu.

Beliau berkata, menerusi operasi yang dibuat di Pasar Pudu, 11 kes direkodkan melibatkan penjaja tanpa lesen dan barangan tiruan.

"Manakala enam kes sitaan penjaja dibuat di Jalan Silang serta turut melibatkan serbuan di sebuah premis pelacuran.

"Namun serbuan ke atas premis pelacuran mendapati tiada sebarang aktiviti berlangsung, namun kita menyita 15 kipas dinding yang dipercayai digunakan untuk aktiviti itu," katanya.

Minhad berkata, tindakan ke

atas penjaja tanpa lesen dilaksanakan di bawah peruntukan Undang-undang Kecil 3(1) dan Undang-undang Kecil 3(2) Pelesenan Penjaja dan Gerai Wilayah Persekutuan 1989, yang boleh dikenakan denda RM2,000 jika sabit kesalahan.

Operasi berkenaan dijalankan DBKL dengan kerjasama Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

'Wartawan akhbar' ditahan

Sementara itu, seorang warga asing yang ditahan, mendakwa diri sebagai wakil wartawan di Malaysia dan Singapura bagi sebuah akhbar yang berpusat di Bangladesh.

Dia yang dikenali sebagai Md Rafiqul, 42, berkata, dia sudah tiga tahun berada di ibu negara.

Namun, ketika diminta mengesahkan identitinya itu, dia hanya menunjukkan sekeping surat pengesahan, namun tiada sebarang dokumen rasmi daripada kerajaan

Malaysia.

"Saya hanya seorang di sini dan tinggal di Pandan Jaya. Saya juga berperanan mengedarkan akhbar kepada warga Bangladesh yang berada di sini.

"Dalam masa sama, saya di sini untuk menerima rawatan penyakit kulit yang dialami," katanya.

Senang cari makan

Seorang warga Indonesia yang mendakwa sebagai penduduk tetap, mengakui lebih selesa menetap di Malaysia lebih-lebih lagi di Kuala Lumpur kerana mudah memperoleh pendapatan.

Dikenali sebagai Kartina, 40-an, mendakwa, dia sudah 35 tahun menetap di ibu negara.

Katanya, kini dia memperoleh pendapatan RM1,500 hingga RM2,000 hasil menjual ikan.

"Dahulu saya hanya membantu orang menjual ikan, tetapi sekarang saya sudah menjual sendiri.

"Saya sudah duduk di sini kerana dapat banyak wang dan boleh hantar ke kampung," katanya.